

BAB KEEMPAT

BAB KEEMPAT

AYAT-AYAT *MUTASHĀBĪHĀT* PUNCA KELAHIRAN

FIRQAH DALAM ISLAM

PENDAHULUAN

Ketika Nabi s.a.w diangkat menjadi Rasul di bumi Makkah, telah wujud penganut agama¹ yang berlainan rupa dan fahaman pada masa itu: Yahudi dan Nasrani, tetapi kebanyakan mereka adalah penyembah berhala² yang bertumpu di Makkah. Terdapat juga penganut agama yang lain tinggal di Yaman, Najran dan Madinah.

Sejak dari itu Rasulullah s.a.w mempunyai tugas utama iaitu menyeru mereka kepada ajaran yang sebenar iaitu agama Islam. Dia berdakwah dengan berpandukan tiga konsep³ iaitu:

¹al-Baghdādī, Abdul Qāhir Ibn Tāhir Muhammād tāhqīq Muhammād Muhyiddīn Abdul Ḥamid, *al-Farq Baina al-Firaq*, (Lubnan: Dar al-Ma‘ārif, t.t), m.s 12 - 14.

² Mażhar Ibn Tāhir al-Muqaddasai berkata: Di dalam kitabnya *al-Bad’u wa al-Tārīkh* mengenai agama-agama orang-orang Jahiliyah. Setiap dari mereka mempunyai agama masing-masing, kaum Quraisy beragama Zindik, dan Ahl al-Ta‘īl kaum Tamīm mengikut fahaman Mazdakiyah dan Majusi, kaum Ghassan beragama Nasrani dan yang lain-lain adalah penyembah berhala.

³al-Gharābī, ^cAli Muṣṭafa, *Tarīkh al-Firaq al-Islāmiyyah*, m.s 8-9.

Pertama: Bahawa dia seorang Rasulullah diutus kepada manusia sebagai pembawa khabar baik dan pemberi ingat.

Kedua: Menghapuskan segala bentuk berhala dengan menekankan bahawa berhala itu bukan Tuhan, dan Tuhan yang sebenarnya ialah Allah Yang Esa yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat, ia tidak beranak dan tidak diperanakkan dan tidak ada sesiapa pun yang setara dengannya.

Ketiga: Memberitahu mereka wujudnya kehidupan lain sesudah kehidupan ini. Mereka semua akan dibangkitkan sesudah mati untuk dihitung amalan-amalan mereka dengan memberikan ganjaran kepada mereka yang taat dan mengazab mereka yang melakukan kejahanatan.

Nabi s.a.w berusaha sedaya upaya dengan tujuan yang murni ini, dan dia cuba menjelaskan kepada orang-orang musyrik Makkah dan yang lain tentang kebenaran konsep⁴ dakwahnya itu dan menyeru supaya mereka beriman dengan Allah dan mempercayai setiap yang disampaikannya, akan tetapi sebilangan

⁴ Ibn Taimiyah, dan Muhammad Ibn Abdul Wahhab, *Majmu'at-Tauhid*, (Madinah Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, t.th) m.s 22

Kecil sahaja daripada mereka beriman. Akhirnya Rasulullah s.a.w berhijrah ke Madinah memandangkan keadaan di sana lebih baik untuk meneruskan perjuangannya yang suci, setelah Islam bertapak di bumi Madinah dengan iman maka baginda mengalihkan pandangannya pula kepada hubungan sosial dan saliturrahim berpandukan al Quran terutama kepada bangsa-bangsa bukan Arab dan suku bangsa Arab yang belum menerima dakwah Islamiah ini. Rasulullah w.a.w telah memerangi orang-orang musyrik Makkah untuk menyebarkan Islam dan Allah telah memberi kemenangan kepadanya, dan ramai di kalangan mereka memeluk agama Islam setelah berjihad bertahun-tahun lamanya.

Walaupun Rasulullah s.a.w telah menjalani peranannya sebagai Rasul kepada manusia semua, akan tetapi adakah peranan akal sehaluan dalam tanggapan dan daya fahaman?. Sudah tentu tidak, oleh itu Allah S.W.T. telah menurunkan al Quran⁵ mengikut hukumnya, mereka hanya memerlukan pentafsiran terhadap ayat-ayat yang tidak jelas maksudnya.

Apabila Rasulullah s.a.w. wafat⁶ ramai di kalangan sahabat mentafsirkan al Quran, di antara mereka ialah, Khalifah yang empat serta sahabat-sahabat yang lain, seperti Ibn Mas'ūd, Ibn 'Abbas, Ubai Ibn Ka'b, Abu Musa al Ash'ari, Abu Hurairah, 'Aishah dan lain-lain lagi. Di antara Khalifah yang empat hanya Imam

⁵al-Gharābi, *op.cit*, m.s 10.

⁶al-Baghdādī, *op.cit* m.s 14 - 15.

^cAli sahaja yang banyak mentafsirkan al Quran. Ini berlaku kerana pada masa Imam ^cAli, sempadan negara Islam telah meluas dan ramai orang *cajam* memeluk agama Islam. Keadaan ini memerlukan banyak pentafsiran ayat-ayat al Quran.

Di dalam mentafsirkan al Quran sahabat-sahabat banyak bersandarkan al Quran, Sunnah Rasulullah s.a.w, ilmu bahasa, kekuatan akal yang mampu mengambil kesimpulan dan berijtihad⁷ dengan sebaik-baiknya.

Apabila negara Islam telah meluas, ulama-ulama sahabat telah berpindah ke negara-negara yang baru dibuka untuk menyampaikan ajaran al Quran kepada penduduk-penduduknya.

Pada zaman *tābi‘in* khususnya dalam abad kedua Hijrah cara pengajian tafsir telah mula bertukar daripada penerimaan dari mulut guru *al-talaqqī* kepada cara penulisan *al-tadwīn*.

Selepas zaman itu lahir ulama-ulama tafsir yang masyhur, seperti Yahya Ibn Salam, Sufian al Thauri dan Abu Ja‘afar Ibn al Tabari. Di samping itu, terdapat pula aliran tafsir yang berasaskan kepada fahaman *fīrqah*. Aliran ini berusaha

⁷al-Sayyīr, Muhammad ^cAli, *Tarīqah al-Fiqh al-Islāmī*, (Mesir: Muhammad ^cAli Ṣabīḥ, 1957), ms 177.

mempergunakan ayat-ayat yang ditulis oleh golongan-golongan Rāfiḍah, Muktazillah, Khawarij, Baha'iyyah, Jabariyyah dan lain-lain lagi.

4.1 LATAR BELAKANG KELAHIRAN *FIRAQ*

Sejak zaman khalifah yang empat lagi telah bermula wujud persengkitaan yang membawa kepada perpecahan umat Islam dan membawa kepada kelahiran *firqah*⁸ dan *ahzab*, mereka mengkafirkan antara satu dengan yang lain, tidak ketinggalan juga mereka melimparkan kekafiran itu kepada salah seorang dari sahabat-sahabat seperti Abu Bakr, ^cOmar, ^cOthman dan ^cAli r.a. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan faktor-faktor kelahiran firaq satu persatu.

a. *'Aṣabīyyah 'Arabiyyah*

Mengikut sejarah, bangsa Arab kuat dengan roh *'Aṣabīyyah 'Arabiyyah*, cinta bangsa yang sempit atau cauvinisme dan cinta kabilah atau suku keturunan, yang terjadi dalam zaman jahiliyah sejak berabad-abad sebelum Islam. Lihat saja pertentangan antara Bani Hashim dan Bani Umaiyyah di Mekah dan pertentangan antara Kabilah 'Aüs dan Khazraj di Madinah. Keyakinan bangsa Arab bahawa

⁸*Firqa* kata jamak *firqah* yang bererti kumpulan yang besar bilangannya atau sekumpulan orang

mereka lebih mulia daripada yang lain, lebih tinggi martabatnya daripada *cAjam*, memainkan peranan yang penting dalam pertentangan ini.

Semasa hidup Nabi semua itu tidak berlaku. ⁹Othman Ibn ⁹Affan dari Bani Umaiyyah diambil menjadi menantunya dan Quraish diperangi sehingga Abu Sufyan tunduk kepada Islam, nama 'Aüs dan Khazraj tidak terdengar lagi, diganti dengan nama Ansar. Begitu juga orang-orang Bani Hashim dan Bani Umaiyyah yang telah turut serta bersama Nabi s.a.w diberi nama Muhajirin, Keadaan ini dapat menghilangkan perbezaan satu sama lain. Nabi Muhammad s.a.w membawa ajaran: "Bukan golongan kami mereka yang cauvinistik. Semua kamu dari Adam dan Adam dari Tanah. Tidak ada kelebihan orang Arab atas orang *cAjam* kecuali kerana taqwa kepada Allah". Al- Quran menerangkan dengan firman Allah Taala:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذِكْرٍ وَّأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُورًا
وَقَبَّلَ لِتَعْرِفُوا..⁹

Terjemahan: "Wahai manusia, kami jadikan kamu laki-laki dan perempuan, dan kami jadikan kamu bersuku-suku dan berkabilah-kabilah agar kamu berkenalan antara satu sama lain".

⁹Surah al-Hujurāt: 13.

Oleh kerana itu tidak terdapat pertentangan yang menjolok semasa Nabi s.a.w di antara semua golongan umat Islam. Tetapi sesudah Nabi s.a.w wafat, terutamanya dalam masa pemerintahan ^cOthman Ibn ^cAffan, perasaan kesukuan Arab ini timbul kembali, dan rasa kesukuan ini menjadi salah satu sebab pertentangan faham pada kemudian hari. Perbezaan faham antara Bani Hasyim dan Bani Umayyah kemudian merupakan perbezaan faham antara Khawarij dan aliran-aliran lain. Aliran Khawarij ini paling banyak tersebar dalam kalangan kabilah Rab'ah, tidak ada dalam Kabilah Mudribah, dan permusuhan antara kedua suku ini dikenal oleh sejarah dalam zaman Jahiliyah. Dalam masa Islam ia terpendam, tetapi sesudah wafat Nabi s.a.w ia lahir kembali dalam bentuk Khawarij.¹⁰

b. Perebutan Khilafah

Di antara sebab pertentangan politik ialah perebutan jawatan khalifah sesudah Nabi s.a.w wafat. Persoalannya siapa yang berhak menjadi khalifah sesudah Nabi s.a.w wafat, orang Ansarkah atau orang Muhajirinkah? Orang Ansar

¹⁰Muhammad Abu zohrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmīyyah*, juz 1, (Mesir: Dar al-Fikr al-^cArabi, t.t), m.s 11 - 12.

berkata: "Kami yang memberikan tempat kalian berjuang, kami turut merebut kemenangan dan oleh kerana itu kamilah yang berhak menjadi khalifah".¹¹

Nyaris terjadi pertumpahan darah dalam peristiwa itu. Untunglah orang Ansar imannya kuat dan terus mengalah, sehingga Abu Bakr terpilih sebagai Khalifah pertama. Tetapi persoalan tidak habis di situ saja.

Aliran-aliran membicarakan, siapakah yang berhak menjadi khalifah yang pertama itu, dari orang Quraishkah, dari keturunan ¹²Ali ibn Abi Talibkah atau dari sebarang orang yang berkata tidak memandang kabilah dan keturunan? Semuanya akan berdepan dengan Allah, dan Allah berfirman:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أُتْقَانُكُمْ...
¹²

Terjemahan: "Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwa di antara kamu"

¹¹ *Ibid*: m.s 12

¹² Surah al-Hujurāt: 13.

Dan Nabi bersabda yang maksudnya:

"Tidak ada kelebihan orang Arab atas orang Ajam kecuali kerana taqwa kepada Allah"

Lalu lahirlah Khawarij, lahirlah Syi'ah dan lain-lain.¹³

c. Pengaruh Agama Lama

Ramai daripada kalangan penganut agama lama seperti Yahudi¹⁴, Nasrani dan Majusi memeluk agama Islam, tetapi pengaruh agama lama mereka tidak sedikit membawa perbezaan faham dalam Islam. Terdapat dua golongan penganut agama lama yang memeluk Islam.¹⁵

Pertama: Mereka yang kemudian benar-benar yakin akan kebenaran Islam. Tetapi meskipun demikian bekas-bekas keyakinan agama mereka tidak mudah ditinggalkan, baik yang berbentuk ceritera-ceritera maupun kebiasaan dalam bergaul dan beribadat. Dengan tidak sengaja mereka salurkan secara perlahan-lahan ke dalam ajaran Islam, mereka yang mempunyai kedudukan pengaruh dalam

¹³Ibid. 12 - 13.

¹⁴al-Nasshār, 'Ali Sāmī, Dr. *Nasha'ah al-Fikr al-Falsafi Fī al-Islām*, (Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, 1954, m.s 16-17

¹⁵ Muhammad Abu zohrah, *op.cit*, m.s 13 - 14.

Islam sebagai sahabat seperti Wahb Ibn Munabbih, Ibn Juraij, Şuhaib dan al-Fārisī. Banyak ceritera yang kemudian terkenal dengan Israiliyat, Nasraniyat dan Majusiyat, berasal dari mereka. Kata-kata dan perbuatan sahabat itu merupakan keterangan-keterangan penting bagi memperluaskan hukum-hukum Islam selanjutnya.

Kedua: Di samping mereka yang datang memeluk Islam dengan ikhlas, terdapat mereka yang masuk Islam tidak dengan keyakinan, tetapi dengan tujuan untuk memecahbelahkan umat Islam dari dalam. Mereka yang masuk Islam dengan terpaksa pun bergerak ke jurusan yang sama. Keturunan Yahudi yang pernah dihukum atau yang dirugikan dalam masa Nabi s.a.w sesudah melihat kelemahan Islam, turut berusaha menghancurkan Islam dari dalam, seperti yang terjadi dengan Abdullah Ibn Saba¹⁶ yang mendirikan aliran Syi'ah Saba'iyah dan mempropagandakan bahawa Ali Ibn Abi Talib lebih berhak menjadi Nabi daripada Nabi Muhammad s.a.w.

Dalam pada itu penduduk daerah yang dahulu dikalahkan oleh orang Islam ketika mereka tidak senang hati dengan raja-raja Arab, seperti Parsi, berusaha mengadakan gerakan dibawah tanah atau gerakan batin, untuk mengulingkan raja-

¹⁶al-Nasshār, *op.cit*, m.s 18.

raja keturunan asing itu. Lalu mereka memasukkan hasrat ini ke dalam beberapa aliran tasawwuf yang hidup di Parsi itu.¹⁷

Aliran Syi'ah dan Saba'iyyah yang dibangkitkan oleh Abdullah Ibn Saba' seorang Yahudi yang berkeyakinan akan merobohkan Islam dari dalam, membawa ajaran, bahawa, ^cAli Ibn Abi Talib adalah orang yang sebenarnya beroleh nur Allah dan berhak menjadi Nabi, sedang Nabi Muhammad hanya merupakan hujjah atau bukti kenabian ^cAli Ibn Abi Talib itu. Mengenai aliran-aliran Ibn Hazm menceritakan aliran-aliran yang menyeleweng ini dalam kitabnya yang terkenal *al-Faṣl Fī al-Milāl Wa al-Nihāl* secara panjang lebar.¹⁸

d. Terjemahan Buku-buku Falsafah

Faktor lain yang menjadi sebab timbulnya pertentangan fikiran di akalangan umat Islam, ialah ¹⁹terjemahan kitab-kitab falsafah dari penulisan ahli-ahli fikir Rumawi dan Yunani ke dalam bahasa Arab. Penterjemahan ini membawa banyak fikiran baru dalam Islam, mengenai alam, benda dan persoalan-persoalan alam yang tidak dicapai oleh fikiran dan perasaan manusia.

¹⁷ Muhammad Abu zohrah, *op.cit*, m.s 13 - 14

¹⁸ *Ibid.* 13 - 14.

¹⁹ al-Nasshār, *op.cit*, m.s 31-3

Pendirian ahli-ahli fikir Yunani yang hidup sebelum maupun yang hidup sesudah Nabi Isa dibicarakan kembali oleh ulama-ulama Islam. Pemikiran secara falsafah itu memang ada yang mendorongnya iaitu untuk memecahkan persoalan-persoalan yang terdapat dalam Islam, terutama yang mengatasi fikiran manusia, secara falsafah. Namun demikian, ia mendatangkan kerugian kerana ramai anak-anak muda Islam yang mula-mula mempelajari falsafah Yunani iaitu ilmu, lama-kelamaan menjadi yakin mengenai ilmu tersebut dan melahirkan cara-cara tertentu dalam pemecahan soal agama. Maka lahirlah satu golongan ahli fikir yang membahas iktikad Islam secara falsafah seperti Muktazilah, yang menggunakan sumber-sumber falsafah dalam menghuraikan persoalan-persoalan keyakinan dalam Islam.²⁰

Maka terjadilah pertentangan fahaman antara aliran-aliran Muktazilah dengan ulama-ulama Sunnah, yang kadang-kadang demikian jauhnya hingga sampai ke tahap permusuhan dan bunuh membunuh. Pada zaman pemerintahan khalifah al Ma'mun, kekecuan sering berlaku. Ini kerana khalifah memberikan kebebasan luas sekali dalam bidang pemikiran akal dan falsafah, sebagaimana yang dikenal dalam sejarah Ilmu Kalam. Al Ma'mun sendiri sepanjang yang dapat diketahui orang adalah penganut Muktazilah yang berkayakinan. perselisihfaham yang timbul memberikan peluang kepada golongan Muktazilah untuk mengambil

²⁰ *Ibid.* 14

tindakan-tindakan yang menguntungkan mereka. Ini membuktikan bahawa penggunaan falsafah dan mantik serta cara berfikir dengan akal ini menimbulkan suasana perpecahan dalam kalangan umat Islam.²¹

e. Perbahasan Dalam Masalah-masalah Akidah

Pemikiran-pemikiran falsafah mengenai pokok-pokok persoalan yang mendalam digunakan oleh ulama-ulama Islam dalam ²²masalah-masalah akidah yang tidak dapat diterima akal manusia. Untuk mencapai sesuatu pendirian yang kukuh, yang dapat diakui kebenarannya oleh Islam, seperti masalah mengakui adanya atau tidak adanya sifat Allah, masalah kesanggupan manusia melakukan sesuatu di samping kudrat Tuhan dan lain-lain. Perbahasan-perbahasan ini membuka pintu luas untuk pertentangan fahaman, kerana perbezaan pendapat dan pandangan, perbezaan jalan dan cara yang ditempuh, dan perbezaan tujuan dan hasil yang akan diperolehi. Persoalan-persoalan ini boleh dijawab oleh ulama Ilmu Kalam.²³

²¹*Ibid.* 14.

²² al-Nasshâr, *op.cit*, m.s 8-9

²³ Muhammad Abu zohrah, *op.cit*, m.s 14-15

f. Kisah-kisah Yang Menjadi Pokok Perbahasan

Selain daripada faktor di atas, kisah-kisah dan cerita-cerita yang menjadi pokok perbahasan, sesetengahnya berasal dari agama dan kepercayaan lain; setengahnya pula berasal dari tahlul dan khurafat yang diwarisi daripada nenek-moyang, yang dimasukkan kedalam Islam dan diterangkan oleh tok-tok imam di masjid-masjid di samping ajaran agama. Cara bercerita ini timbul dalam masa pemerintahan ^cOthman Ibn ^cAffan, ^cAli Ibn Abi Talib menentang kuat amalan dan penyampaian kisah-kisah ini sebagai cara untuk menjelaskan tentang agama dan pernah dia mengusir mubaligh-mubaligh yang menggunakan cara ini dari masjid. Dalam masa Bani Umayyah tukang-tukang cerita semacam itu bertambah banyak, di antaranya ada yang baik dan ada yang tidak baik dan dengan adanya kisah-kisah itu dimasukan ke dalam buku-buku tafsir dan kitab-kitab tarikh, yang dinamakan Isra'iliyyat dan Nasraniyyat, kadang-kadang terselit orang-orang yang terpenting, yang kemudian hari dianggap sebagai sumber agama. Cerita-cerita ini kemudian tersebar kepada umum dan memberi kesan akibat yang tidak baik, di antaranya yang mencampurkan antara hadis-hadis dengan cerita-cerita dongeng itu.²⁴

²⁴*Ibid.*: 14-15

g. Ayat-ayat *Mutashābihāt*

Di dalam al Quran di samping ayat-ayat hukum, terdapat ayat-ayat *mutashābihāt*, iaitu ayat-ayat al Quran yang kebanyakannya menceritakan keadaan Tuhan dan keadaan hari kemudian, yang ada persamaannya dengan manusia.

Pentafsiran ayat-ayat ini dan pentakwilannya menimbulkan pertikaian fahaman dalam kalangan ulama, masing-masing menggunakan akal untuk mencapai hakikat makna. Maka terjadilah perbezaan fahaman dalam tafsiran dan takwil, yang satu berlainan dengan yang lain. Satu golongan ingin memberi takwil agar dapat diterima pengertiannya oleh akal manusia, satu golongan lagi tidak mahu melibatkan ayat-ayat itu dengan takwil dan mereka mentaufiqkan, kerana memang tidak dapat dicapai oleh akal manusia.²⁵

Al Quran telah memperingatkan adanya perpecahan ini dengan firman Allah di dalam al Quran:

²⁵ *Ibid.*: 15-16

هُوَ الَّذِي أَرْزَقَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ
 أُمُّ الْكِتَابِ وَآخِرُ مُسْتَشَبِّهَاتٍ فَأَنَّمَا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ رَجُعٌ
 فَيَسْعَوْنَ مَا أَشَابَهُ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ
 وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلُهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ
 أَمَّنَا بِهِ كُلُّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا وَمَا يَدْكُرُ إِلَّا أُولُوا الْأَلْبَابِ 26

Terjemahan: "Dialah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab suci (al Quran). Sebahagian besar daripadanya ialah ayat-ayat "muhkamat" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya): ayat-ayat "muhkamat" itu adalah ibu (atau pokok) isi al Quran, dan yang lain lagi ialah ayat-ayat "mutashabihat" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu, (timbul faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing). Ada pun orang-orang yang ada di dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar daripada al Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari takwilnya (memutarkan maksudnya menurut yang disukainya). Pada hal tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah, dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu agama, berkata: 'Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami'. Dan tiadalah yang mengambil pelajaran melainkan orang-orang yang berfikiran"

²⁶Surah ali 'Imran: 7.

h. Penetapan Hukum-hukum Syarak

Penetapan²⁷ hukum-hukum syarak juga merupakan pokok perbezaan faham, bukan dalam al-Quran dan al-Sunnah, tetapi dalam memperjelaskan secara terperinci atau dalam mencari sesuatu penyelesaian hukum yang tidak terdapat dalam kedua-dua sumber Islam, al-Quran dan al-Sunnah. Dalam menetapkan sesuatu hukum memang digunakan al-Quran atau al-Sunnah, tetapi terdapat orang-orang yang berbeza dalam memahami ayat al-Quran itu dan sahabat-sahabat berbeza pula dalam menyampaikan sesuatu mengenai Sunnah yang dialami. Maka terjadilah perbezaan dalam menjatuhkan sesuatu hukum mengenai perincian itu, terutama mengenai persoalan-persoalan baru dalam kehidupan manusia yang tumbuh di sana sini dalam daerah Islam yang sudah meluas itu. Sebagaimana yang kita maklum, bahawa dalam pokok-pokok agama, yang dinamakan usuluddin atau hukum yang sudah jelas dalam sumber pokok, ulama-ulama tidak berselisih faham antara satu sama lain, tetapi dalam penjelasan lebih lanjut, dalam cabang-cabang hukum, yang dinamakan *furu' al-din*, mengenai halal dan haram, wajib dan sunat dan sebagainya, ulama-ulama menggunakan ijmak, kias, fikiran dan akal dan sebagainya. Oleh kerana itu, penetapan hukumnya beza-beza satu sama lain, dan

²⁷ al-Nasshār, *op.cit*, m.s 9

dengan demikian lahirlah golongan-golongan dalam hukum yang dinamakan mazhab fiqah, seperti Hanafi, Maliki, Shafi^Ci, Hambali dan lain-lain.²⁸

4.2 FIRAQ ILMU KALAM DALAM *MUTSHĀBIHĀT*

Apabila menyebut aliran-aliran ilmu kalam maka terbitlah nama-nama seperti Syi^Cah, Khawarij, Muktazilah, Asha^Cirah dan lain-lain. Kebanyakan mereka terlibat dalam perbincangan mengenai sifat-sifat Allah Taala. Mereka berbeza-beza pandangan dalam soal ini, apakah sifat itu sesuai pada zat Allah atau tidak, maka dengan itu lahir berbagai-bagai spekulasi dalam membawa pengertian yang zahir. Oleh itu kajian ini akan membincangkan dengan terperinci mengenai setiap dari *firqah* tersebut.

4.2.1 Latar belakang *firaq*

Kajian ini akan membincangkan satu persatu mengnai latar belakang *firaq* ini, dari sudut sejarahnya, prinsipnya, golongan-golongannya dan sikap mereka terhadap ayat-ayat *mutashābihāt*.

²⁸ Muhammad Abu zohrah, *op.cit*, m.s 15-16.

Pertama: Ahl Al-Sunnah Wa al-Jama^cah

Ahl al-Sunnah Wa al-Jama^cah adalah salah satu *firqah* yang terkenal di rantau ini dan dunia Islam. Sikap mereka yang rasional dan tegas itu menawan semua masyarakat Islam. Malaysia adalah sebuah negara Islam yang berpegang dengan Ahl al-Sunnah Wa al-Jama^cah dan diterima oleh masyarakat. Aliran-aliran dan fahaman-fahaman lain dilarang dari diamal dan disebarluaskan kepada umum.

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan mengenai istilah, sejarah Ahl al-Sunnah Wa al-Jama^cah dan akidah mereka.

I - Pengertian Istilah Ahl al-Sunnah Wa al-Jama^cah

Perkataan Ahl al-Sunnah boleh dianggap sinonim dengan perkataan sunni yang bermaksud: Sekumpulan atau seseorang pendokong fahaman al Sunnah yang sentiasa memberikan keutamaan terhadap sunnah Nabi Muhammad s.a.w selepas al Quran sebagai dasar pegangan mereka dalam menentukan sesuatu perkara yang berkaitan dengan ajaran agama Islam.

Pengertian di atas sebenarnya berdasarkan hadis ^cAbdullah Ibn ^cAmr Ibn al

^cAs yang telah dikatakan sebagai **Hasan Gharīb**.²⁹ Sabda Rasulullah s.a.w:

Bermaksud: "Lagi akan datang terhadap umatku sebagai apa yang telah berlaku kepada kaum Bani Israel setapak demi setapak, sehingga jika ada antara mereka yang berzina dengan ibunya sendiri secara terang-terangan nescaya akan ada di kalangan umatku yang akan melakukan sedemikian rupa. Sesungguhnya kaum Israel telah berpecah kepada tujuh puluh dua golongan dan umatku pula kepada tujuh puluh tiga golongan kesemuanya dalam neraka kecuali satu sahaja. Maka mereka pun bertanya: Wahai Rasulullah s.a.w siapakah golongan yang satu itu? Sabda Rasulullah s.a.w ialah yang aku dan para sahabatku berada di atasnya. Dalam satu riwayat lain, apa yang aku dan sahabatku berada di atasnya"

Hadis di atas jelas menunjukkan sunnah Nabi Muhammad s.a.w sebagai salah satu dasar utama yang terpenting selepas al Quran, manakala para pendokong dasar itu terdiri daripada para sahabat Nabi Muhammad s.a.w sebagai generasi terulung yang telah berjaya mendokong, menghayati dan seterusnya menyampaikan amanah itu kepada generasi selanjutnya hingga ke atasnya hingga ke atasnya hari ini.

²⁹Terdapat pada sanadnya seorang perawi yang bernama Abdurahman Ibn Ziyad al-Afriqi, al-*Nuqqād al-Hadīth* menyatakan bahawa perawi ini adalah ḫaṣīf. al-Hākim, *al-Mustadrak*, 1, m.s 128-129.

Perkataan *Wa al-Jama'ah* pula memberi maksud: Dan jamaah yang ramai atau sekumpulan (pengikut) istilah ini pada dasarnya merujuk kepada para sahabat Rasulullah s.a.w yang telah bersahabat dengan baginda sekian lama, beriman kepada Allah dan Rasulnya, berjuang melaksanakan segala perintah Allah dan Rasulnya serta meninggalkan segala larangan Allah dan Rasulnya. Setelah itu, istilah ini digunakan kepada sesiapa yang mendokong serta meneruskan perjuangan para sahabat Rasulullah s.a.w hingga ke akhir zaman.

Dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w bersabda:

Bermaksud: "Sesungguhnya umat yang terdahulu daripada kamu daripada kalangan ahli kitab itu telah berpecah kepada tujuh puluh dua golongan agama dan umat ini akan berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan agama. tujuh puluh dua daripada mereka akan dimasukkan ke dalam neraka dan satu golongan sahaja akan ke syurga iaitu al Jamaah"³⁰

Merujuk kepada hadis di atas maka perkataan al Jama'ah telah diterimakan sebagai suatu istilah bersama dalam satu ungkapan istilah yang membawa maksud yang tersendiri iaitu Ahl al Sunnah Wa al Jama'ah.

II - Sejarah Kemunculan Ahl al-Sunnah

Dalam memperkatakan sejarah kemunculan Ahl al Sunnah Wa al Jama'ah ini,

³⁰ Diriwayatkan Abu Daud dengan sanad hasan hadis no. 4597. *Sunan Abu Daud*, 5, m.s 5.

terdapat beberapa pandangan ulama dan pengkaji sejarah Islam mengenai masa kemunculannya.

Ada yang berpendapat Ahl al Sunnah muncul pada ketujuh Hijrah.³¹ Ada juga yang berpendapat ia muncul pada masa pemerintahan Khalifah al Mansur dan al Rashid, zaman pemerintahan Abbasiah³² dan ada juga yang berpendapat ia muncul pada pertengahan kurun ketiga Hijrah³³ iaitu dibawa oleh Abu Hasan al Ashari dan lain-lain lagi.

Kalau dikaji kepada hadis-hadis dan sejarah umat Islam, kita akan temui bahawa nama Ahl al-Sunnah itu telah pun ada di dalam nas-nas yang mengesahkan umat Islam supaya berpegang teguh dengan sunnah dan beramal dengannya dan penggunaan para *al-Salaf al-ṣālih*.

III- Nama-nama *Ahl al-Sunnah*

Selain daripada nama *Ahl al-Sunnah*, *Ahl al-Sunnah* juga mempunyai

³¹Mustafa al-Shakā'ah, *Islām Bilā Mazhab*, m.s 22.

³²Amir C Ali, *Rūh al-Islām*, 2; m.s 202.

³³Al-Maghribī, *op.cit*, m.s 277.

nama-nama lain yang telah diguna sepanjang sejarah umat Islam, antaranya adalah seperti berikut:

1. *Ahl al-Jama'ah*

Nama *al-Jama'ah* adalah di antara nama yang terkenal dan masyhur di kalangan umat Islam. Nama ini sering digandingkan dengan Sunnah dan menjadi sebutan *Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah* dan kadang-kadang disebut secara berasingan Ahl al-Jamaah.

Nama *al-Jama'ah* diambil daripada hadis Rasulullah s.a.w yang menerangkan tentang sifat-sifat *al-Firqah al-Nājīyyah*, sabdanya:

"Bani Israil berpecah kepada tujuh puluh satu golongan, dan umat aku akan berpecah kepada tujuh puluh dua golongan, semuanya masuk neraka hanya yang selamat satu sahaja iaitu : Al Jama'ah³⁴

Para ulama telah berusaha untuk mencari golongan manakah yang dimaksudkan dengan *al-Jama'ah*. Semua umumnya, al-Shatibi telah merumuskan kepada beberapa pandangan ulama tentang maksud tersebut antara lain:

³⁴ Abu Ḥāsim, *al-Sunnah*, 1: m.s 3. *Abu Daud*, 5; m.s 6. *Aḥmad*, 4: m.s 102. Ḥakim, *Sahīh* 1; m.s 1128. *al-Lalīkā'i*, 1: m.s 102. Ajuri, *Shari'ah*, m.s 18. Ibn Baṭṭah, *Ibānah*, m.s 106. Al-Bānī, *Sahīh al-Tarmidī* no. 2646.

- a. Golongan yang terbanyak di kalangan umat Islam ataupun disebut sebagai (*Al-Sawad al-Aczam*).
- b. Golongan Mujtahidin daripada kalangan umat Islam.
- c. Golongan para sahabat Rasulullah s.a.w secara khusus.
- d. Golongan bijak pandai daripada kalangan umat Islam, dengan itu sebarang kata sepakat yang dicapai oleh mereka tentang sesuatu perkara yang menyentuh kepentingan umat Islam perlu diterima dan dipatuhi dengan baik.
- e. Golongan daripada kalangan umat Islam yang diketuai oleh seseorang pemimpin mereka.³⁵

³⁵ Al-Shatibi, *Al-Itiṣām*, 3; m.s 135-142. Ibn Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 13, m.s 37 dan 316.

2. *Ahl al-Hadis*

Di antara nama Ahl al Sunnah yang lain ialah ahli Hadith. Istilah ini diberikan kepada orang yang mengikut mazhab *al-Salaf al-Šāleḥ* kerana amalan, perbuatan dan iktikad mereka diambil daripada hadith Rasulullah s.a.w dan para sahabat r.a Abdul al Qadir al Jailani pernah berkata : Ahl al Sunnah Wa al Jamaah hanyalah satu nama iaitu ahli al Hadith.³⁶

3. *Ahl al-Athār*

Ahl al-Sunnah juga terkenal dengan nama *ahl al-Athār*, kerana akidah dan iktikad berdasarkan kepada ma'thur, sama ada daripada Allah S.W.T sebagaimana disebut di dalam kitabnya dan dari Sunnah Rasulullah s.a.w atau yang thabit dari *al-Salaf al-Saleh* iaitu para sahabat, tabi'en dan pengikut-pengikut mereka.

Nama ini diambil dari sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

"Umatku akan berpecah kepada tujuh puluh dua golongan kesemuanya akan dimasukkan kedalam neraka

³⁶*Al-Ghunyatū li Tālibī al-Haq*, 1: m.s 71.

*kecuali satu golongan sahaja akan ke syurga, iaitu al-Jamaah*³⁷

Di dalam hadis yang lain, Rasulullah s.a.w bersabda:

*"Ialah (orang yang tetap berpegang dengan) manhaj atau sunnah aku dan para sahabatku berjalan di atasnya"*³⁸

Sementara Imam Ahmad berkata: Kalau sekiranya mereka (*al-Firqah al-Nājīyyah*) aku tidak tahu lagi siapa mereka.³⁹

Manakala Sheikh Abdul al Qadir al Jailani pula berkata: Adapun *al-Firqah al-Nājīyyah itu ialah Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah*.⁴⁰

5. *Al-Tā'i'fah al-Manṣūrah*

Nama ini dipetik daripada hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh al-Mughirah Ibn Shu'bah r.a yang bermaksud:

*"Sentiasa ada dikalangan umatku golongan yang mempertahankan kebenaran sehingga datang kiamat"*⁴¹

³⁷Ahmad 4/102, al-Darimi 2/242, al-Hākim 1/2180

³⁸Dikeluarkan oleh al-Tarmidhi hadis no. 2646 , 10/109.

³⁹Al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Sharaf Ahl al-Ḥadīth*, m.s 24.

⁴⁰*Al-Ghuniyah*, m.s 85.

⁴¹*Bukhārī* hadis no. 7311, 13; m.s 359-361.

6. *Al Salaf al-Sâleh*⁴²

Al-Salaf al-Sâleh ialah para sahabat, *tâbi'îen* dan *atbâ' al Tâbi'în*, dan para imam yang adil, seperti Imam mujtahid dan sebagainya, yang tidak dituduh melakukan bidaah dan diberi gelaran yang tidak baik, seperti Khawarij, Rafi'dah, Muktazilah, Jabariyyah dan golongan yang menyimpang daripada landasan yang sebenar.

IV. Peranannya Dalam Tafsiran Ayat-ayat *Mutashâbihât*

Dalam permasalahan ayat-ayat *mutashâbihât*, *Ahl al Sunnah Wa al-Jama'ah* telah meletakkan garis panduan dalam penafsiran ayat-ayat tersebut. Setiap yang beragama Islam wajib berpegang dengan asas akidah Islam,⁴³ antara lain iaitu:

1. Menjadikan al Quran dan al Sunnah yang sahih sebagai hakim pada setiap perkara yang berkaitan dengan akidah tanpa mengeneplikan atau menakwilkan sebarang kenyataan kedua-duanya.

⁴²al-Baghîdî, *op.cit*, m.s 359-36

⁴³al-'Othaîmîn, *op.cit*, 4; m.s 19.

2. Menerima semua kenyataan daripada para sahabat Nabi Muhammad s.a.w khususnya yang berkaitan dengan akidah.
3. Menerima setiap kenyataan al Quran dan al Sunnah tentang perkara-perkara ghaib sekadar yang dinyatakan tanpa tamak untuk mendalami sehingga melebihi batas sempadan yang tidak mungkin difikirkan oleh akal fikiran manusia.
4. Berusaha sedaya upaya yang boleh untuk memelihara kesatuan dan perpaduan umat seluruhnya.

Apa yang jelas disini, *Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah* menyerahkan segala tafsiran ayat-ayat *mutashābihāt* kepada Allah Taala sahaja, kerana ia lebih mengetahui dari manusia dan ilmunya mengatasi segala-galanya.

Sebagaimana contoh ayat-ayat *mutashābihāt* yang mereka tafsirkan dengan makna lain selain makna zahir, ialah firman Allah Taala:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى⁴⁴

Terjemahan: "Iaitu (Allah) al Rahman yang bersemayam di atas 'aras'

⁴⁴Surah Taha: 5.

Kedua: Syi'ah

Aliran *fīraq* Syi'ah merupakan aliran yang muncul lebih awal daripada *fīraq* yang terawal . Ia sangat berpengaruh hingga ke alaf ini. Dan pengikut-pengikut Syi'ah juga dianggap ramai bilangannya dan masih aktif lagi hingga ke hari ini.

I - Sejarah Kelahirannya

Dari sudut bahasa⁴⁵ Syi'ah ialah pengikut dan golongan sebagaimana yang disebut di dalam al Quran.

I. Firman Allah Taala:

مُئَمِّلَتَنْزِعُنَّ مِنْ كُلِّ شِيَعَةٍ أَكْبَرُهُمْ أَشَدُ عَلَى الرَّحْمَنِ عَيْنِيَا⁴⁶

Terjemahan: "Sudah itu, sesungguhnya kami akan cabut dari tiap-tiap golongan, mana-mana orang yang sangat derhaka kepada (Allah) al Rahman, di antara mereka"

⁴⁵Perkataan Syi'ah dari *sya'ah* atau *syaya'ah*. Kata jamaknya *syia'ah* dan *asyia'ah*. *al-Mu'jam al-Wasit*, juz 1, ms. 50

⁴⁶Surah Mariyam: 69

2. Firman Allah Taala pada ayat yang lain:

فَاسْتَعِنُهُمُ الَّذِي مِنْ شَرِيعَتِهِ عَلَى الَّذِي مِنْ عَدُوِّهِ...⁴⁷

Terjemahan: "Maka orang yang dari golongannya meminta tolong kepadanya melawan orang yang dari pihal musuhnya"

Dari sudut curuf ahli fikah dan ilmu kalam khalaf dan salaf: Syi'ah ialah suatu golongan aliran fahaman yang berpegang pada Ali Ibn Abi Talib dan keturunannya.⁴⁸

Firqah Syi'ah adalah *firqah* yang tertua dalam *firaq IslāmīYYah*. Kelahiran bermula pada akhir pemerintah Othman r.a. Ia semakin kuat dan berpengaruh pada zaman pemerintahan Ali r.a. Apabila orang ramai bergaul dengan Ali r.a ternyata dia mempunyai ciri-ciri seorang khalifah yang warak dan alim, maka para pendakwah mengambil kesempatan ini dengan menyebarkan fahaman mereka. Di antara fahaman itu, ada yang melampau dan ada yang sederhana dalam soal keperibadian Ali r.a.

⁴⁷Surah al-Qaṣāṣ: 15.

⁴⁸Ibn Khaldūn, *al-Muqaddimah*, m.s 17

Peristiwa sedih yang dialami oleh anak-anak ^CAli pada masa pemerintahan Umaiyyah dan kezaliman ke atas mereka, menimbulkan rasa kasih sayang kepada mereka kerana mereka adalah dari keturunan Nabi s.a.w. Umat Islam menyaksikan kezaliman Umaiyyah ke atas mereka hingga mereka gugur syahid. Semua peristiwa yang menyayat hati itu menjadikan *firqah* ini semakin berani dan pengaruhnya semakin luas.⁴⁹

Ibn Khaldun menyebut mengenai pendirian *firqah* ini:

*"Bahawa sesungguhnya imamah itu bukan hak maslahat umum yang diserahkan kepada pendapat ramai, sebaliknya seorang dilantik untuk menentukan calon di kalangan mereka. Cara ini adalah termasuk dalam rukun agama dan kaedah Islam, dan Nabi s.a.w tidak seharusnya mengabaikan perkara ini dan menyerahkan kepada umat Islam sahaja akan tetapi sewajarnya dia menentukan imam di kalangan mereka dengan syarat imam itu seorang yang maksum dari segala dosa-dosa besar dan kecil"*⁵⁰

Syiah bersetuju melantik ^CAli Ibn Abi Talib menjadi khalifah yang terpilih dari keturunan Nabi s.a.w. kerana dia yang paling mulia di kalangan sahabat r.a.

⁴⁹ Muhammad Abu Zohrah, *op.cit*, juz 1, m.s 36.

⁵⁰ Ibn Khaldūn, *al-Muqaddimah*, m.s 175.

Di kalangan sahabat-sahabat yang menghormati Ali sebagai seorang yang taat dan kuat beribadat, mereka ialah ^cAmmār Ibn Yāsir, Miqdād Ibn ‘Aswad, Salmān al Fārisī, Abū Dzar, Jābir Ibn ^cAbdullah, ‘Ubai Ibn Ka^cab, Khudhaīfah, Buraīdah, Abū Ayub Ibn Al Anṣarī, Sahl Ibn Hanīf, ^cOthman Ibn Hanīf, Abū Al Haītham Ibn Al Ṭīḥ, Abī Al-Tifī ^cAmīr Ibn Wā’elah, Al ^cAbbas Ibn Abdul Muttalib dan keturunannya, Banī Hāshim keseluruhannya. Janadah al Ghafīrī dan orang-orang yang bersimpati kepada keperibadian ^cAli Ibn Talib. Orang-orang inilah yang mula-mula menggunakan nama Syi^cah, sebagaimana pada masa yang silam orang menggunakan kata Syi^cah itu bagi pengikut Nabi Ibrahim, Musa, Isa dan Nabi-Nabi lain.⁵¹

Jika ditinjau kembali, kelahiran nama Syi^cah bermula setelah Nabi Muhammad s.a.w wafat. Dari saat itu bermulalah perselisihan saham antara orang-orang Islam dalam soal pemilihan khalifah.

Perselisihan ini berlaku apabila timbul pandangan mengenai hak Bani Hāshim dalam soal pengganti Rasulullah s.a.w. kerana orang-orang Quraish merupakan orang yang paling hampir kepada Rasulullah s.a.w. Pandangan ini disetujui oleh semua kerabat yang terdekat dengan Rasul.⁵²

⁵¹ Muhammad Abu Zohrah, *op.cit*, m.s 36 - 37.

⁵² Al-Maghribī, *op.cit*, m.s 141.

Selepas Nabi s.a.w. wafat, orang-orang Ansar telah berkumpul di Saqifah Bani Saidah untuk melantik pemimpin mereka daripada kabilah Khazraj, iaitu Sa'ad ibn 'Ubādah bagi mengetuai negara Islam di Madinah selepas Nabi s.a.w., manakala orang Muhaŷirin pula dengan diketuai oleh Abu Bakr dan Umar telah bergegas ke perhimpunan orang Ansar untuk berdebat dengan mereka dan akhirnya berjaya menyakinkan sebilangan besar orang Ansar menerima Abu Bakr sebagai Khalifah yang pertama dengan hujah, bahawa Nabi s.a.w pernah menyatakan bahawa imam-imam hendaklah terdiri daripada orang Quraish. Mereka yang menerima dan menyetujui pemilihan Abu Bakr sebagai imam atau khalifah dikatakan golongan terbesar umat Islam di Madinah pada masa itu *al-sawād al-a'zam wa al-jumhūr al-akhbar*.⁵³

Boleh dikatakan kelahiran syi'ah bermula daripada peristiwa imam atau khalifah setelah Rasul s.a.w wafat. Golongan ini semakin menyerlah selepas peristiwa itu. Mereka percaya 'Ali telah diwasiatkan oleh Nabi s.a.w secara langsung atau melalui petunjuk-petunjuk tidak langsung sebagai imam yang mengantikannya mengetuai negara Islam dan umatnya selepas beliau wafat.⁵⁴

⁵³al-Naūbahkī, al-Hasan ibn Musa, *Fīraq al-Syī'ah*, (Lubnan: Dar al-Adwa, 1984), m.s 2-4.

⁵⁴al-Maghribi *op.cit*, m.s 143.

Di sebalik perselisihan penganti Nabi s.a.w terdapat juga perselisihan mengenai cara pemerintahan yang di jalankan oleh khalifah, adakah ia *sulṭah zamanīyyah* atau *sulṭah zamanīyyah rūhīyyah*? Dalam menentukan corak pemerintahan atau kuasa itu terdapat pendirian yang berbeza-beza mengenai masalah ini.⁵⁵

Sumber-sumber sejarah yang dianggap sebagai pegangan golongan sunni menunjukkan bahawa Nabi s.a.w tidak pernah menentukan bakal penggantinya untuk memimpin negara dan umat Islam selepasnya. Selepas Nabi s.a.w wafat, pemimpin-pemimpin masyarakat, baik daripada kalangan Muhajirin atau Ansar berhimpun secara spontan di Saqifah Bani Sa'idah, berbincang dan berdebat dengan hebat mengenai ketua negara dan umat Islam mengganti Nabi s.a.w sehingga akhirnya sebahagian besar daripada mereka meyatakan Abu Bakr sebagai calon ketua negara dan umat yang baru. Persetujuan Saqifah ini kemudiannya telah disahkan dengan persetujuan umum keesokan harinya di *al masjid al-nabawī*.⁵⁶

Peristiwa Saqifah jelas menunjukkan betapa shura menjadi asas kepada pemilihan ketua negara dan umat atau imam/khalifah dalam sejarah Islam. Persetujuan ramai pula menjadi asas kepada keputusan.

⁵⁵ *Ibid.*, m.s 143.

⁵⁶ Ibn Kathir, Ismail, *al-Sirah al-Nabawiyah*, sunt. Mustafa al-Wahid, jil. 4, (Lubnan: Dar al-Ma'rifah), 1983), m.s 492-493.

Bagi golongan Syi'ah, prinsip *wasiyyah* yang menjadi pegangan mereka dan menjadi dasar kepada keutamaan keturunan Ali dalam penentuan imam. Ia juga bertindak menyekat dan membataskan penyertaan khalayak umat Muslim dalam proses politik yang begitu penting.⁵⁷

Golongan Syi'ah mencuba sedaya upaya untuk menguatkan pendapat mereka dalam soal khalifah dengan nas al Quran dan sunnah dan mereka mentakwilkan mengikut citarasa mereka. Nas-nas yang dibawa itu terbahagi kepada yang jelas dan yang tersembunyi.

Contoh nas yang jelas adalah seperti sabda Rasulullah s.a.w mengenai suruhan melaksanakan perintah Allah bukan bermaksud imamah, mereka mentakwilkan dengan *üti al amr* yang wajib ditaati, bersandarkan firman Allah Taala:

أطِيعُوا اللَّهَ وَأطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ...⁵⁸

⁵⁵ al-Shahrastani, *al-Milal Wa al-Nihal*, Sunt. Abdul Aziz Muhammad al-Wakil, juz 1, (Mesir: Mu'assasah al-Halabi, t.tkh), m.s 195.

⁵⁸ Surah al-Nisa': 59.

Terjemahan: "Taatlah kamu kepada Allah dan Rasul serta taatlah kamu kepada uli al amr (orang-orang yang berkuasa)"

Nas ini berdasarkan peristiwa pemilihan imamah yang berlaku di Saqifah sahaja. Nas yang tersembunyi pula adalah seperti sabda Nabi s.a.w bahawa baginda telah mengangkat Ali supaya membaca surah al Baraah pada masa ayat itu diturunkan. Sebelum itu Nabi telah mengangkat Abu Bakr untuk membacanya, kemudian baginda menerima wahyu yang berbunyi: Seorang lelaki dari keturunanmu akan menyampaikannya atau dari kaummu. Maka Nabi s.a.w mengangkat ^cAli membaca utusan itu. Golongan Syi^cah mengatakan bahawa ini adalah bukti menunjukkan ^cAli didahulukan dari yang lain.⁵⁹

Terdapat ayat-ayat al Quran dan hadis-hadis Nabi yang telah diterbitkan oleh Syi^cah untuk ditakwilkan mengikut kehendak mereka. Syi^cah mempunyai pendapat yang berbeza dengan aliran yang lain dalam soal memilih khalifah. Pendirian mereka bahawa imam sesudah wafat Nabi s.a.w ditentukan oleh Nabi sendiri dengan nas. Nabi tidak boleh melupakan nas itu terhadap pemilihan khalifah, sehingga menyerahkan urusan pemilihan itu secara bebas kepada umatnya dan khalayak ramai. Selanjutnya Syi^cah berpendirian bahawa seorang imam yang diangkat itu harus *ma^csūm* atau terpelihara daripada dosa-dosa besar atau dosa

⁵⁹al-Maghribī, *op.cit*, m.s 143.

kecil dan Nabi Muhammad dengan wasiatnya untuk mengangkat ^cAli Ibn Abi Talib menjadi khalifahnya bukan orang lain, dan bahawa ^cAli Ibn Abi Talib adalah seorang sahabat yang pertama dan utama.⁶⁰

II- Golongan-Golongan Syi^cah

Di dalam kajian yang lepas telah disebut mengenai takrif Syi^cah dengan panjang lebar, tetapi ada yang perlu diketahui mengenai golongan-golongan Syi^cah yang telah menyeleweng daripada landasan yang sebenar. Di antara mereka terdapat yang melampaui batas, sederhana dan berkecuali.

Syi^cah yang melampaui telah mengangkat ^cAli hingga ke peringkat ketuhanan dan ada pula yang mengangkat ke martabat Nabi sehingga kedudukannya lebih tinggi daripada Nabi s.a.w sendiri.

Oleh itu kajian ini akan membincangkan mengenai sebahagian daripada pelampau Syi^cah.⁶¹

⁶⁰Muhammad Abu Zohrah, *op.cit*, m.s 37

⁶¹*Ibid:* m.s 43.

a. *Al-Saba'iyyah*

Golongan ini terdiri daripada pengikut-pengikut Abdullah Ibn Saba' yang berketurunan Yahudi dari *ahl al Hirā*. Dia berpura-pura masuk Islam dengan menunjukkan keislamannya dan menyembunyikan kekufurannya. Dia adalah salah seorang pendakwah yang paling membenci Saidina ^cOthman dan pemerintahannya.⁶²

Dia telah menyebarkan fahamannya kepada orang ramai untuk melumpuhkan umat Islam. Perkara utama yang dibangkitkan ialah soal ^cAli ibn Abi Talib r.a. Mula-mula dia menyebarkan kepada orang ramai, terdapat dalam kitab Taurah menyebut setiap nabi mempunyai wasiyah; ^cAli telah diwasiatkan oleh Muhammad dan dia adalah sebaik-baik *waṣīyyah* dan Muhammad adalah sebaik-baik Nabi; Nabi Muhammad akan kembali ke dunia dan berkata: "Aku hairan kenapa mereka kata "al Masih" tidak kembali selepas "Muhammad". Di samping itu dia cuba menyeleweng secara beransur-ansur dari topik itu kepada soal hukum dengan mengatakan ^cAli itu Tuhan. Lalu ^cAli muahu membunuhnya kerana

⁶²*Ibid.* m.s 43.

dia telah melampaui batas menyanjung dirinya, tetapi niatnya itu tidak dipersetuju oleh Abdullah Ibn c'Abbas.⁶³

Setelah c'Ali r.a dibunuh, Ibn Saba' mengambil peluang ini untuk menguasai orang ramai yang mengasihi c'Ali dengan menambah kesedihan mereka di atas kehilangannya. Dia mula menyebarkan diayah palsu tentang kematian c'Ali untuk kepentingannya. Dia bertujuan untuk menyesatkan umat Islam dan menghancurkan mereka.

Terdapat dikalangan Saba'iyyah mengatakan Tuhan telah meresap ke dalam tubuh c'Ali dan imam-imam sesudahnya. Pendapat ini disokong dengan pendapat sebahagian pendapat agama-agama lama yang mengatakan Tuhan meresap ke dalam sebahagian manusia dan roh Tuhan itu pula diambil oleh imam-imam.⁶⁴

b. *al-Gharābiyyah*

Golongan ini adalah golongan pelampau Syi'ah yang mempercayai bahawa kenabian itu diturunkan kepada c'Ali. Mereka mendakwa bahawa risalah itu untuk

⁶³*Ibid.* m.s 43.

⁶⁴*Ibid.* m.s 44.

^cAli tetapi jibril tersalah orang lalu diturunkan kepada Muhammad mengantikan tempat ^cAli r.a. Mereka dinamakan Gharābiyyah kerana mereka menyamakan kedudukan Nabi s.a.w sama taraf dengan ^cAli, sebagaimana perumpamaan yang berbunyi gagak tetap gagak⁶⁵ mereka juga mendakwa bahawa ^cAli dan anak-anaknya adalah Rasul Golongan ini menyuruh pengikut-pengikutnya mengutuk jibril a.s di atas kesilapan itu.⁶⁶

Tidak syak lagi bahawa segala dakwaan itu bohong belaka dan tidak boleh diterima akal. Bagaimana boleh berlaku kesilapan sedangkan Allah S.W.T yang mengutuskannya? Bagaimana jibril a.s melakukan kesilapan dan tidak dapat membezakan antara Nabi s.a.w dengan ^cAli r.a? Kedua-duanya berbeza dari segi sifat fizikalnya dan bagaimana kesilapan itu berpanjangan sejak Nabi dibangkitkan sehingga wafatnya?

Walaupun mereka semua mengakui kebenaran Nabi Muhammad tetapi mereka mengisbatkan perkongsian kenabian pada ^cAli. Pendapat mereka dianggap kufur.⁶⁷

⁶⁵*Ibid.* m.s 44-45.

⁶⁶al-Baghdādī, *op.cit*, m.s 250.

⁶⁷al-Maghribī, , *op.cit*, m.s 147.

Di sini kajian cuba membawa contoh yang berkaitan dengan sifat Allah yang tidak menyerupai sebarang makhluk, sifat ini banyak dibahaskan oleh ulama Khalaf termasuk syi'ah, firman Allah Taala.

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ⁶⁸

Terjemahan: "Tiada sesuatu pun yang sebanding denganNya (dengan dhatNya, sifatNya dan penyadiranNya) dan Dialah amat mendengar lagi amat melihat"

Ketiga: Khawarij⁶⁹

Sebahagian ahli sejarah *firaq* mengatakan bahawa barangsiapa menderhakai imam yang dilantik oleh jamaah ia akan dinamakan khariji sama ada berlaku di zaman sahabat di bawah pimpinan imam-imam *al Rāshidīn* atau sesudah mereka di zaman tābi'īn atau imam-imam di setiap zaman.⁷⁰

⁶⁸ Surah al-Sh-rū' 11.

⁶⁹ Mereka dinamakan Khawarij kerana mereka menentang ^cAli Ibn Abi Talib tidak seperti yang disebut oleh al-Shahrastānī.

⁶⁷ al-shahrastānī, *al-Milal Wa al-Nihāl*, 1: (t.tkh) m.s 85. Abu al-Hasan al-Ash'ārī pula menyebut dalam kitabnya *Maqālat al-Islāmiyyah*, 1: m.s 127

Takrif ini membawa pengenalan nama Khawarij yang berpunca daripada penentang-penentang mereka.⁷¹ Nama Khawarij masih kekal hingga ke hari ini.

I - Sejarah Kelahirannya

Kelahiran *firqah* ini bermula setelah pembunuhan Khalifah ^cOthman r.a.⁷² Ramai di kalangan pengikut Ali r.a bergiat semula dalam pergerakan menyokong ^cAli untuk membaikah beliau menjadi khalifah. Setelah baiah itu hampir selesai tiga daripadanya sahabat Nabi yang terkemuka bangun membantah perkara itu kerana mereka percaya kebenaran tidak menyebelahi ^cAli. Para sahabat itu terdiri Mu^cāwīyyah Ibn Abī Sufīyan, Talha Ibn Abdullah dan Zubīr Ibn al-^cAwām. Saidina ^cAli r.a mempunyai pengikut-pengikutnya sendiri, begitu juga dengan Mu^cāwīyyah r.a. Maka berlakulah perperangan yang sengit antara kedua belah pihak yang membawa kemenangan kepada ^cAli dan pengikutnya. Setelah itu berlaku pula perang *Šiſſīn* yang menyebabkan tentera Mu^cāwīyyah hampir-hampir

⁶⁸ Lahirnya nama Khawarij adalah diambil dari firman Allah Taala:

” يَتْرُجُ مِنْ بَيْهِ أَنِّي أَنْهَا وَرَسُولِهِ ثُمَّ يَدْرِكُهُ الْمُوْتُ فَقَدْ دَلَعَ أَجْرَهُ عَلَى اللَّهِ ” Sesungguhnya kehidupan mereka telah mengajar mereka erti taat dan bersungguh-sungguh dalam perjuangan demi mencapai matlamat mereka. Menerusi lembaran hidup mereka itu dapat membantu kita untuk mengupas maksud ayat tadi.

⁷² Muhammad Abu Zohrah, *op.cit*, m.s 31.

akan kalah lalu ia pun mencari helah untuk memberhentikan perang. ^cAmrū Ibn al-^cas mencadangkan supaya dijulang kitab suci al-Quran di atas tombak. Lalu Mu^cawīyyah mengarahkan askar-askarnya supaya menjulang al Quran di atas tombak seraya mengajak Khalifah ^cAli menghentikan perang dan menyelesaikan dengan tahkim antara kedua pihak.⁷³

Khalifah ^cAli r.a pada mulanya telah menolak permintaan ini kerana beliau mengetahui perkara tahkim itu hanyalah tipu helah Mu^cawīyyah saja, tetapi kerana kuatnya desakan sebilangan besar daripada pengikut-pengikutnya, termasuk juga sahabat-sahabat Nabi yang berpihak kepadanya, maka terpaksalah beliau menghormati pendapat mereka dan menerima tahkim itu dengan harapan hendak memberhentikan pertumpahan darah dan mengembalikan semula rasa persaudaraan sesama Islam.

Keputusan majlis tahkim telah menelorkan perpecahan dalam barisan ^cAli. Golongan yang menentang diadakan majlis tahkim itu telah keluar dari barisan khalifah, lalu memberontak melawannya. Mereka sentiasa menyuarakan slogan

⁷⁰ al-Dhahab» Muhammad Husin, *al-Tafsīr Wa al-Mufassirin*, juz. 2, (Mesir: Maktabah Wahbah, 1993M/1414H), m.s 288.

mereka yang masyhur bahawa "Tiada sesiapa pun yang boleh menghukum kecuali Allah dan kami tidak menerima penghakiman seseorang dalam kitab Allah."⁷⁴

Mereka telah memilih Haraura sebuah kampung di luar Kota Kufah sebagai pusat pergerakan mereka menentang ^cAli r.a. Ketua mereka ialah Abdullah Ibn Wahb al Rāsibī. Puak inilah yang terkenal dengan nama "*Khawarij*" ertinya kaum penderhaka.

Apabila puak Khawarij ini keluar dari barisan ^cAli r.a mereka pun melakukan berbagai-bagai keganasan terhadap khalifah ^cAli. Perkembang ini telah dihadapi oleh ^cAli dengan penuh bijaksana sehingga beliau dapat menarik sebilangan besar daripada mereka kembali ke jalan yang benar. Akhirnya mereka telah merancang untuk membunuh ^cAli. Pada suatu pagi sewaktu Khalifah ^cAli r.a keluar untuk menunaikan sembahyang subuh di Masjid Kufah, tiba-tiba Abdurahman Ibn Muljam menikam beliau hingga membawa kematiannya.

Setelah kerajaan Umaiyyah ditubuhkan puak Khawarij masih lagi bermaharajalela menentang, tetapi Mu^cāwīyyah telah berjaya mematahkannya sehingga muncul kerajaan ^cAbbasiyyah. Peranan puak Khawarij semakin lemah

⁷⁴Ibid. m.s 289.

kerana barisan mereka berpecah belah dan kepercayaan terhadap pemerintahnya telah longgar.

Apabila perpecahan puak Khawarij telah merebak, lalu terbentuk aliran-aliran yang mencapai bilangan dua puluh semuanya. Setiap aliran itu tidak sama dari segi prinsip dan akidahnya, tetapi mereka masih berpegang dengan dua prinsip ini:⁷⁵

Pertama: Mengkafirkhan ^cAli, ^cOthman r.a dua orang yang terlibat dalam tahkim, orang-orang yang terlibat dalam perang Jamal semua yang menyokong majlis tahkim.

Kedua: Wajib derhaka kepada pemerintah yang tidak adil.
Terdapat prinsip yang ketiga yang banyak diamalkan oleh firqah ini iaitu:
Mengkafirkhan mereka yang melakukan dosa-dosa besar.⁷⁶

II- Pendirian Khawarij Dalam Tafsiran Ayat-Ayat al-Quran

Firqah Khawarij mempunyai puak yang ramai, dengan bilangan

⁷⁵*Ibid.* m.s 289.

⁷⁶al-Baghdad», *op.cit*, m.s 55.

yang mempunyai pendapat dan fahaman yang berbeza, ini adalah lumrah. Apa yang jelas di sini mereka mengatur agama Islam sejak dulu dan beriman dengan al-Quran untuk mengkaji asas-asas al-Quran bagi tujuan menguatkan pegangan dan amalan mereka. Mereka akan ambil dan jika mereka merasakan ia tidak sesuai dengan prinsip mereka, mereka cuba memutarbelitkan dengan jalan takwil.⁷⁷

Contoh ayat-ayat *mutashābihāt* yang diubahsuaikan mengikut hawa nafsu mereka dengan jalan mudah di antaranya:

⁷⁸ الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى

Terjemahan: "Iaitu (Allah) al-Rahman yang bersemayam di atas 'aras'"

III- *Firaq Khawarij*

Khawarij adalah salah satu *firaq* yang masyhur.⁷⁹ Pemilihan perkataan

⁷⁷al-Dhahabi, *op.cit*, m.s 292.

⁷⁸Surah Taha: 5.

⁷⁹al-Maghribī, *op.cit*, m.s 175.

(Khawarij)⁸⁰ sebagai satu gelaran umum kepada mereka kerana perkataan itu boleh digunakan oleh mereka yang mengaitkan diri mereka pada *fīraq* ini bahkan jika terdapat persamaan pada peraturan, mereka juga boleh dianggap dalam golongan ini.⁸¹ Faktor-faktor di atas adalah punca pembahagian Khawarij kepada *fīraq* yang lain. Salah seorang daripada mereka pengikut pemimpin mereka, kemudian tercetus pertikaian di antara mereka dalam perkara yang remeh lantas menjadi isu yang besar. Maka pengikut itu menentang ketuanya setelah mengkufurkannya. Oleh yang demikian, mereka telah berpecah menjadi imam, manakala golongan yang lain kekal bersama imam yang pertama.⁸² Kesan daripada faktor-faktor di atas telah melahirkan *fīraq* Khawarij sebanyak dua puluh *fīraq*.⁸³ Kajian daripada faktor-faktor di atas telah melahirkan *fīraq* Khawarij sebanyak dua puluh *fīraq*.⁸⁴ Kajian ini akan membincangkan *fīraq* Khawarij yang terulung.

⁸⁰Perkataan **Khawarij** dari kata jamak **Khārij**; Iaitu sesiapa yang melanggar perintah imam dengan mendedahkan keingkaran mereka dan terus mengamalkannya terutama setelah mereka memilih cara takwil. Ulama Syariah menamakan mereka orang yang zalim.

Maqālāt' Ash'āri, 1: m.s 156

⁸¹al-Gharabī, *op.cit*, m.s 265.

⁸²*Ibid*: m.s 266.

⁸³al-Ash'ārī, *op.cit*, m.s 156.

⁸⁴al-Maghribī, *op.cit*, m.s 186.

a. *Al-Azāriqah*

Firqa ini adalah pengikut-pengikut Nāfi^c Ibn al-‘Azraq al-Hanafī yang bergelar Abī Rāshid.

Mereka adalah di antara firaq Khawarij yang terbesar dan berpengaruh.⁸⁵

Mereka telah menuduh ^cAli Ibn Abi Talib r.a kafir dengan berpandukan ayat al-Quran iaitu firman Allah Taala:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُعْجِبُكَ قَوْلُهُ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيُشَهِّدُ اللَّهَ عَلَىٰ مَا فِي قَلْبِهِ وَهُوَ أَلَدُ الْخِصَامِ
86

Terjemahan: "Dan di antara manusia ada orang yang turut katanya mengenai hak kehidupan dunia, menyebabkan engkau tertarik hati (mendengarnya) dan ia (bersumpah dengan mengatakan bahawa) Allah menjadi saksi atas apa yang ada dalam hatinya, Pada hal ia adalah orang yang sangat-sangat keras permusuhan (kepadanya)"

Abdullah Ibn Muljam orang yang bertanggungjawab membunuh ^cAli mengaku perbuatannya itu adalah hak di sisi Allah dengan ayat yang diturunkan dalam perkara itu, firman Allah Taala:

⁸⁵al-Baghdadi, *op.cit*, m.s 94-95.

⁸⁶Surah al-Baqarah: 204.

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْرِي نَفْسَهُ أَبْغَاهُ مِرْضَاهُ اللَّهِ...⁸⁷

Terjemahan: "Dan di antara manusia ada yang mengorbankan dirinya kerana mencari keredhaan Allah"

Mereka juga mengkufurkan Saidina ^cOthman, Talha, al-Zubīr, ^cAisyah, Abdullah Ibn ^cAbbas r.a dan setiap orang Islam yang menentangnya serta menghukum mereka sebagai penghuni mereka.⁸⁸

Terdapat juga mereka mentakwilkan ayat-ayat dengan cara yang salah sebagaimana yang dilakukan oleh pelampau Syi^cah. Setiap daripada firqah cuba mentakwilkan ayat-ayat al Quran mengikut hawa nafsu mereka.⁸⁹

Pendirian mereka yang tegas terhadap penentang-penentang mereka telah melebelkan penentang-penentang Islam itu kafir, mereka sama-sama berjuang dan membantu ^cAli yang dianggap musyrik⁹⁰ mereka juga mengharuskan pembunuhan Terhadap wanita dan kanak - kanak daripada penentang mereka. Merek

⁸⁷ Surah al-Baqarah: 207.

⁸⁸al-Shahrastānī, *op.cit*, m.s 163.

⁸⁹al-Maghribī, *op.cit*, m.s 187

⁹⁰al-Shahrastānī, *al-Milal Wa al-Nihāl*, m.s 164.

mengamalkan prinsip menuntut hak dan marwah seperti membunuh di khalayak ramai, menuntut bela, memecah belahan jamaah, juga menganggap kanak-kanak musuh mereka itu musyrik serta menghukum mereka akan kekal di dalam neraka.⁹¹

Segala tanggapan mereka tidak benar, malah ia adalah salah di sisi undang-undang Islam yang sebenar. Sesungguhnya membunuh orang Islam atau mengkafirkannya adalah berdosa besar kerana Islam telah mengharamkannya dan melarang daripada perbuatan tersebut.

b. *Al-Najdāt*

Selain *al-Azāriqah* terdapat golongan yang lain iaitu *al-Najdāt*. Mereka adalah pengikut Najda Ibn Ḥamīd al-Hanafī yang merasa kurang senang dengan ketegasan Nafīṣ Ibn al-Azraq⁹² dalam masalah *al-qāḍādah*⁹³. Ramai daripada kalangan mereka keluar daripada jamaah masing-masing setelah mereka dianggap musyrik dan dihalalkan membunuh kanak-kanak dan wanita daripada musuh mereka. Mereka telah menuju ke Yamamah lalu disambut kedatangan mereka oleh Najda Ibn Ḥamīd dan bala tentera dari puak Khawarij yang ingin bergabung dengan

⁹¹ al-Baghdadi, *op.cit*, m.s 84.

⁹² *Ibid*: m.s 83.

⁹³ *al-Qāḍādah* ialah istilah bagi kaum Khawarij yang tidak keluar berperang bersama Ḥusayn. Oleh itu mereka dinamakan Khawarij. *Al-Muḍjam al-Wasīt* perkataan *qaḍādah*.

askar Nafi^c, tetapi setelah diberitahu hal Nafi^c yang terbaru itu mereka kembali semula ke Yamamah, lantas menyokong Najda Ibn ^cAmir. Mereka telah menghukum kafir kepada sesiapa yang mengkafirkkan *al Qadādah*, serta mengkafirkkan sesiapa yang mengiktiraf imamah Nafi^c. Dengan ini mereka telah mengangkat Najda sebagai imam.⁹⁴

Pendirian Najda dan pengikut-pengikutnya bahawa terdapat dua perkara dalam agama Islam:

Pertama: Mengenal Allah Taala dan Rasul-rasulnya a.s mengharangkan pertumpahan darah orang-orang Islam dan harta mereka. Yang dimaksudkan dengan orang-orang Islam bagi mereka ialah yang terdiri daripada puak Khawarij. Di samping itu, mereka mengakui sepenuhnya mengenai soal qadar yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T kepada setiap orang Islam hendaklah beriman dengannya.

Kedua: Pengetahuan orang ramai terlalu terhad terutama dalam membawa hujah-hujah untuk menghadapi golongan bijak pandai. Oleh sebab itu, mereka yang menghalalkan sesuatu perkara melalui jalan ijtihad. Walaupun perkara itu haram tetapi kerana kejailan mereka

⁹⁴al-Baghdadi, *op.cit*, m.s 87.

dalam hukum syarak, mereka tidak mampu menyelesaikannya dengan jalan yang benar.⁹⁵

Keempat: Muktazilah

Aliran yang diasaskan oleh Wāṣil Ibn Ḥaṭṭāb pada awal ke 2 hijrah. Aliran ini berpegang kepada lima prinsip (الأصول الخمسة) yang dikenali sebagai perinsip Muktazilah.

I - Sejarah Kelahirannya

Firqah Muktazilah bermula di Basrah, pada zaman kerajaan Abbasiyah (760-1258M/132-656H) yang membuka pintunya kepada pendatang-pendatang daripada bermacam-macam fahaman keagamaan dan aliran falsafah.⁹⁶

Muktazilah bermula dalam lingkungan halaqah seorang ulama terbesar dan sufi terkenal di Basrah iaitu al-Imam Hasan al-Baṣrī. Halaqah itu suatu sistem

⁹⁵al-Gharabī, *op.cit*, m.s 278-27

⁹⁶ *Ibid*, m.s 48.

belajar dalam dunia Islam sepanjang Zaman pertengahan di mana murid duduk berkelompok mengelilingi gurunya.⁹⁷

Di antara muridnya yang terkenal dan paling cekap ialah Wāṣil Ibn Atak. Dia telah memisahkan dirinya (*i'ṭizāl*)⁹⁸ daripada halaqah gurunya setelah berlaku perselisihan pendapat dalam soal "pelaku dosa besar". Dia berpendapat bahawa pelaku dosa besar berada dalam *manzilah baīna al-manzilatāīni*.⁹⁹ kufur dan iman dan tidak menjadi kafir secara mutlak dan tidak mukmin secara mutlak, tetapi dia dinamakan fasiq. Lalu dia duduk di salah satu tiang masjid Basrah dengan mengucapkan keputusannya dan mempertahankan pendapatannya. Hasan al-Baṣrī pun berkata: Kami memisahkan Wāṣil dari halaqah ini. Dari sini bermula sejarah kelahiran nama Muktazilah yang diistiharkan oleh Hasan al-Baṣrī terhadap Wāṣil dan sahabat-sahabatnya.¹⁰⁰

II- *Tabaqāt Muktazilah*

Sebagaimana kebiasaan, pengikut-pengikut *fīrqah* ahli kalam berminat untuk berjihad semata-mata ingin mengetahui secara dekat mahzabnya.

⁹⁷*Ibid.* m.s 48.

⁹⁸*Ibid.* m.s 48.

⁹⁹Salah satu prinsip Muktazilah yang bermaksud: Orang yang melakukan dosa besar tidak dianggap mukmin atau kafir.

¹⁰⁰*Ibid.* m.s 48

Sebagaimana yang diriwayatkan dalam kitab *al-fīraq* mengenai peristiwa *i'tizāl* Wāsil Ibn 'Atā' di tempat Hassan al-Baṣrī berkumpul dengan murid-muridnya. Petanda ini menunjukkan detik permulaan pengasasan firqah Muktazilah seperti firqah kalamiyah. Walau bagaimanapun Ibn al-Murtadha¹⁰¹ menyatakan bahawa pengasasan Muktazilah wujud lebih awal daripada Wasil, bahkan sampai kepada zaman Nabi s.a.w tidak setakat itu sahaja bahkan Ibn al-Murthadha menyebut salasiah ini. Begitu juga beliau ingin memaparkan bukti-bukti mengenai pendirian sahabat yang menolak Jabr¹⁰² daripada mazhab Muktazilah hingga benar-benar pasti bahawa pendapat Muktazilah itu tidak bidaah. Ibn al-Murthadha telah membahagikan firqah kepada dua belas tabaqah¹⁰³ dan menjadikan tabaqah yang tertinggi ialah *Khulāfa' al-Rāshidīn* dan sahabat-sahabat Rasulullah yang lain seperti Abdullah Ibn 'Omar, Abu Darda', Abu Dhar al-Ghaffārī dan 'Ubādah Ibn al-Ṣāmit dengan menyebut setiap daripada pendapat mereka¹⁰⁴ tentang *qadar* sebagaimana yang dikatakan oleh Muktazilah. Di samping itu, dia menyebut sanad mazhab mereka yang sampai kepada Rasulullah s.a.w Apa yang akan dibincangkan dalam kajian ini sebahagian sahaja daripada tabaqah tersebut mengikut

¹⁰¹ al-Murtadha, Ahmad Ibn Yahya, *al-Munīyyah Wa al-Amal*, m.s 3.

¹⁰² Penyandaran perbuatan hamba kepada Allah, Jabariyah ialah aliran yang berfahaman bahawa sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh hambanya adalah daripada Allah semata-mata.

¹⁰³ *Ibid*: m.s 7.

¹⁰⁴ *Ibid*: m.s 10.

pembahagian ilmiyah dan kalamiyah. Oleh itu tabaqah yang akan dibincangkan dalam kajian ini hanya tiga *tabaqah*¹⁰⁵ iaitu:

1. *Tabaqah* pertama: Muktazilah yang pertama terdiri Wasil dan ^cAmrū Ibn ^cAbīd.
2. *Tabaqah* kedua: Muktazilah pertenggahan seperti Abu al-Hudhail dan al-Nizām.
3. *Tabaqah* ketiga: Muktazilah yang akhir seperti Abū ^cAli al-Jabā'ī anaknya Abū Hāshim.

III- Prinsip Muktazilah Dalam *al-Usūl al-Khamsah*

Muktazilah mempunyai lima dasar.¹⁰⁶

1. *al-Taūhīd*: Keyakinan bahawa Allah itu satu dalam zatNya dan sifatNya. Allah itu adalah zat Allah sendiri.

¹⁰⁵ Al-Gharabī, *op.cit*, m.s 54

¹⁰⁶ *Ibid*: m.s 10. Muhammad Abu Zohrah, *op.cit*, m.s 149-153. al-Ash̄arī, *Maqālāt al-Islāmiyīn* bahagian al-Muktazil

2. *al-^cAdl:* Bahawa Tuhan itu adil, iaitu bahawa manusia itu diberi kemahuan mereka untuk bertindak, tidak digerakkan oleh qudrah dan iradah Tuhan sahaja.
3. *al-Manzilah Baīna Manzilatāīni:* Memberikan kedudukan di antara dua kedudukan mukmin dan kafir. Orang Islam yang melakukan dosa besar akan ditempatkan pada suatu tempat antara orang mukmin dan kafir. Ia bukan orang mukmin kerana tidak menyempurnakan sifat kebajikan, dan dia tidak di anggap orang kafir kerana telah mengucapkan dua kalimah syahadat. Dan dia tetap kekal dalam mereka kerana di akhirat hanya terdapat sebuah syurga dan sebuah neraka, tetapi dia diringankan dari azab kerana dia masih seorang Islam.
4. *al-Wa^cad wa al-Wa^cid:* Istilah ini yang bermaksud jika Allah menjanjikan pahala atas sesuatu kebajikan mesti dikerjakannya, dan apabila ia menjanjikan siksaan atas kejahanatan, maka janjinya itu pun wajib ditepati, Tuhan tidak berhak memberi keampunan atas janji yang sudah ditetapkan.

5. ‘*Amr ma’rūf nahī munkar*: Perbuatan ini dimestikan kepada semua, berdasarkan dalil akli, bukan berdasarkan kepada perintah Allah dan RasulNya.

Dari sudut ayat-ayat sifat pula Jumhur Muktazilah metafsirkan dengan makna hakikat sebenar bagi Allah Taala, walaupun ada persamaan dengan makhluk, hanya mereka menambah sifat ilmu, qudrat, sama^c bagi Allah. Contoh tersebut seperti ayat *nuzul*, firman Allah Taala:

هُلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَهُمُ اللَّهُ فِي ظُلُلٍ مِّنَ الْعَمَامِ ...¹⁰⁷

Terjemahan: "(Orang-orang yang ingkar itu) tidak menunggu melainkan kedatangan (azab) Allah kepada mereka, dalam lindungan-lindungan awan"⁵¹

Kelima: Murji’ah

Aliran ini telah terkeluar dari akidah Islam yang sebenar. Mereka telah melincong jauh dari prinsip yang diamalkan oleh Khawarij. Kajian ini akan

¹⁰⁷ Surah al-Baqarah: 210.

membincangkan secara terperinci mengenai aliran sesat ini.¹⁰⁸

I - Sejarah Kelahirannya

Firqah ini lahir di tengah-tengah kemelut yang tersebar mengenai dosa besar, adakah dia mukmin atau tidak? Khawarij berpendapat dia kafir, Muktazilah pula mengatakan dia tidak mukmin tetapi masih lagi seorang Islam, al-Hasan al-Baṣrī¹⁰⁹ dan golongan dari tābi‘īn mengatakan bahwasanya dia seorang munafik kerana segala amalan terbukti dari hati dan lisan bukan tanda keimanan dan jumhur muslimin berpendapat dia seorang mukmin yang berdosa dan urusannya terpulang kepada Allah sama ada diseksa setimpal dengan dosanya atau diampunkan perbuatannya.¹¹⁰

Di tengah-tengah persengketaan ini, *firqah* Murji'ah bersuara dengan lantang pendapatnya, bahawa keimanan seseorang itu tidak terjejas dengan melakukan dosa sebagaimana kekufuran itu tidak berguna dengan melakukan taat. Mereka yang sealiran dengan *firqah* ini mengaku barangsiapa berkata bahawa orang yang melakukan dosa besar akan ditunda kepada Allah pada hari kiamat.

¹⁰⁸ Muhammad Ja‘far Shamsuddin, *Dirāsāt al-Ākīdah al-Islāmīyyah*, cet. 1, (Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani 1977), ms 28

¹⁰⁹ *Ibid:* ms. 44 - 45.

¹¹⁰ Muhammad Abu Zohrah, *Tarikh al-Madhabib al-Islamiyah*, ms 14

Mereka akan bertemu dengan sebilangan besar golongan dari Jumhur Ulama Sunni.¹¹¹

Mereka dinamakan Murji'ah¹¹² kerana melengah-lengahkan kerja yang berkaitan dengan iman. Mereka adalah golongan yang tidak diiktiraf oleh *fīraq* yang lain seperti Muktazilah dan Khawarij.¹¹³

Di antara aya-aya *mutashābihāt* yang diseliwingkan kepada makna lain ialah:

وَأَخْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ¹¹⁴

Terjemahan: "Dan baiklah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan perbuatan kamu, kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha supaya baik amalannya"

II- Golongan Murji'ah¹¹⁵

Kajian ini akan membincangkan tentang golongan Murji'ah yang terbahagi kepada tiga golongan:

¹¹¹*Ibid.* m.s 141.

¹¹² Perkataan " لَيْلَةً " bererti melengah atau melambatkan " لَرْجَعَةً " digunakan dengan makna melengah-lengahannya.

¹¹³*Ibid.* m.s 145.

¹¹⁴Surah al-Baqarah: 195.

¹¹⁵*al-Tabṣir*, m.s 59. *Al-Mīlāt Wa al-Nihāt*, 1, m.s 139. *Maqālāt al-Islāmīyyin*, 1, m.s 197.

Pertama: Golongan yang membolehkan imim diundurkan, dan ada yang berpegang dengan qadar mengikut fahaman Qadariyah¹¹⁶ Bilangan mereka terdiri dari firqah Qadariyah. Murjiah seperti Abu Shimr al Murjī, Muhammad Ibn Shabib al Başarī dan al Khālidī.¹¹⁷

Kedua: Golongan ini sama fahamannya seperti di atas tetapi mereka banyak terikut-ikut dengan kata-kata Jahm¹¹⁸ dalam soal perbuatan. Kebanyakkan mereka terdiri daripada firqah Jahmiyah dan Murji'ah.¹¹⁹

Ketiga: Golongan Murjiah yang tulen daripada fahaman qadar. Mereka terdiri daripada lima firaq:

Yūnusīyyah,¹²⁰ *Ghassānīyyah*,¹²¹ *Thūbānīyyah*,¹²² *Tumānīyyah*¹²³ dan

¹¹⁶ Al-Subhānī, Ja'far, *Buhūth Fī al-Mīlāt Wa al-Nihāt*, 1, cet. 2, (Qom: Matba'ah Mahr, 1213H), m.s 111.

¹¹⁷ Al-Baghdādī, *op.cit*, m.s 25.

¹¹⁸ Al-Gharabi, *Tārīkh al-Firaq al-Islāmīyyah*, m.s 22.

¹¹⁹ Al-Baghdādī, *op.cit*, m.s 25.

¹²⁰ Mereka adalah pengikut-pengikut Yunus Ibn Cāūn yang mengaku bahawa iman ialah dalam hati dan lisan.

¹²¹ Pengikut-pengikut Ghassān al-Murjī yang mendakwa bahawa iman itu ikrar atau cinta kepada Allah Taala.

¹²² Mereka adalah pengikut-pengikut Abū Thauhān al-Murjī yang mendakwa bahawa iman itu ikrar atau cinta kepada Allah Taala.

¹²³ Pengikut-pengikut Abū Mu'ādah al-Tumanī yang mendakwa iman itu sesuatu yang dapat melindungi perbuatan kufur.

Marīsiyyah.¹²⁴

Keenam: Qadariyah

Aliran Qadariyah ialah aliran yang menghukumkan bahawa setiap perbuatan baik atau jahat dengannya dari manusia itu sendiri. Mereka tidak mengaitkan punca perbuatan itu pada Allah.¹²⁵

I - Sejarah Kelahirannya

Pada akhir zaman khulafa al Rāshidīn dan zaman Umaiyyah, orang-orang Islam mendalami soal qadak dan qadar, dari situ lahir aliran yang berpendapat bahawa setiap perbuatan manusia adalah kehendaknya sendiri bukan dari Allah S.W.T. Mereka adalah sebahagian dari Muktazilah¹²⁶ walaupun mereka telah mengetahui berbagai-bagai masalah lain. Ini adalah salah satu masalah mereka. Oleh itu, I'tizal dianggap sebagai satu aliran yang diasaskan berpandukan zatnya yang tidak sealiran dengan firqah ini. Qadariyah tidak setakat menyekutu Muktazilah dalam perkara ini bahkan ada di kalangan mereka yang melampau

¹²⁴Mereka ialah Murji'ah Baghdad dari pengikut-pengikut Bishr al-Mārisi.

¹²⁵Muhammad Ja'far Shamsuddin, *op.cit*, m.s 33.

¹²⁶al-Baghdādī, *op.cit*, m.s 114-11

batas lebih dari itu, contohnya mereka menolak sifat Qadar bagi Allah Taala. Mereka mengulas mengeani hal ini dengan "Urusan itu baru". Di riwayatkan bahawa Ma^cbad Ibn Khālid al Jahnī iaitu ketua mereka pernah mendengar

seseorang membuat alasan tentang maksiat dengan takdir, lalu dia menjawab: "Tidak ada takdir dan semua urusan itu baru" iaitu semua urusan kembali semula dengan ilmu dan kembali semua kemahuannya dengan susulan, seolah-olah mereka menolak kehendak azali dan menolak ilmu azali yang *qadīm*. Dengan yang demikian perbuatan manusia keluar daripada landasan kekuasaan pencipta yang maha mengetahui.¹²⁷

Contoh ayat-ayat mutashābihāt yang ditakwilkan oleh mereka, sebagaimana firman Allah Taala:

بَلْ يَدْرَاهُ مَبْسُوطًا نِ...¹²⁸

Terjemahan: "*Bahkan kedua yad Allah sentiasa terbuka (nikmat dan kurniannya luas melimpah-limpah)*"

¹²⁷ Muhammad Abu Zohrah, *op,cit*, m.s 131.

¹²⁸ Surah al-Mā'idah: 64.

Ketujuh: Jabariyah

Selain daripada yang tersebut di atas terdapat firqah yang lain yang tidak kurang hebatnya dan juga terkenal dengan nama *firqah* Jabariyah.

I - Sejarah kelayhirannya

Aliran Jabariyah bermula ketika ulama-ulama mendalami soal qadar dan kekuasaan manusia di samping kekuasaan Allah s.w.t pada zaman sahabat dan Bani Umayyah. Segolongan ulama mendakwa bahawa manusia dijadikan tanpa perbuatannya, dan dia tidak boleh mengaitkan perbuatannya dengan sesuatu. Pendirian firqah ini, menolak perbuatan hamba dan menyandarkannya kepada Allah Taala. Oleh kerana hamba tidak disifatkan dengan kemampuannya, maka ia terpaksa melakukan perbuatannya itu mengikut apa yang dicipta kepada semua jamadat, dan semua perbuatan itu dikaitkan kepadanya sebagai kiasan, sebagaimana yang dikaitkan kepada jamadat.¹²⁹

¹²⁹ *Ibid:* m.s 121

II- Sikap Jabariyah Terhadap Ayat-ayat *Mutashābihāt*

Sebagaimana sikap *fīraq* yang lain terhadap ayat-ayat *mutashābihāt*, begitu juga Jabariyah. Metod yang mereka gunakan ialah dengan mentafsirkan ayat-ayat al Quran dengan akal dan mengikuti hawa nafsu mereka dan inilah yang menyebabkan berlaku penafian sifat Allah yang *qadīm*.¹³⁰

Contoh ayat-ayat *mutashābihāt* yang ditafsirkan oleh mereka dengan jalan takwil, firman Allah Taala:

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّا ضِرَبَةٌ بِالَّى رَّبِّهَا نَّا ظِرَبَةٌ¹³¹

Terjemahan: "Pada hari akhirat itu wajh (orang-orang yang beriman) berseri-seri"

¹²³ al-Nasshār, *op.cit*, m.s 68.

¹³¹ Surah al-Qiāmah.22

Kelapan: Al-Mushabbihah¹²²

Di samping aliran-aliran lain yang di sebutkan di atas tadi, terdapat aliran yang lahir ditengah-tengah kemelut perbahasan tentang Allah.

Aliran ini menyamakan sifat-sifat Tuhan dengan sifat makhluk.

I - Sejarah Kelahirannya

Asal Mushabbihah perlu diimbas kembali kepada dua golongan yang berpengaruh, iaitu Rāfiḍah yang berasal dari Syi'ah dan Hashawiyah dari ahli hadis yang berperang pada zahir ayat yang dianggap tashbih. Golongan yang pertama diketuai oleh Hisham Ibn al Hakam, dan golongan kedua diketuai oleh Abdullah Ibn Muhammad Kallah al Qaṭṭān. Mereka berpegang sama ada hadis-hadis yang disusun sebahagiannya baru mereka mengambilnya dengan niat baik ataupun memahami sebahagian ayat-ayat dan hadis-hadis pada zahirnya. Apabila mereka sudah sebatи dengan cara itu maka secara tidak langsung mereka telah melencong dari landasan agama Islam tanpa disedari.¹³³

¹²² al-Āsh̄ārī, *op.cit*, m.s 31-47.al-Āṣfarāyīnī, *op.cit*, m.s 70-71.al-Shahrastānī, *op.cit* m.s 75-79. al-Marsācānī, *Mukhtaṣar al-Faraq Baīna al-Firaq*, m.s 133-139. al-Rāzī,

Ītiqādāt al-Rāzī, *Ītiqād Firaq al-Muslimīn Wa al-Mushrikīn*, m.s 63-66

¹²³ al-Gharābī, *op.cit*, m.s 301-302.

II- Golongan-golongan Mushabbiyah

Mushabbiyah terdiri daripada dua golongan:

Pertama: Golongan yang mentashbihkan zat Allah dengan zat yang lain.

Kedua: Golongan yang mentasybihkan sifat Allah dengan sifat yang lain.

Setiap daripada golongan ini berpecah kepada golongan yang ramai.

Muashabbiyah yang telah sesat kerana mentasybihkan zat Allah dengan yang lain mempunyai golongan yang berbeza-beza antara satu sama dengan yang lain. Timbulnya masalah mentasybihkan zat Allah dengan zat yang lain berpunca daripada golongan Rafidah yang pelampau. Mereka terdiri dari Sabaeiyah, Bayaniayah, Mughiriyah, Yunusiyah, Khitabiyah, Hululiyah, Holmaniyah, ^cAdhafirah, Hisyamiyah, Moqniziyah, Musyabbihah dari nasab Daud al Jawaribi, al Ibrahimiyah dari nasab Ibrahim Ibn Abi Yahya al Aslama, Khabitiyah dari Karamiyah.¹³⁴

¹³⁴ Al-Baghdadi, *al-Farq Bain al-Firaq*, m.s 297.

III Pendirian *Mushabbiyah* terhadap ayat-ayat *Mutashābihāt*

Sebagaimana yang diketahui bahawa Muktazilah berpegang kepada akal dalam soal yang berkaitan dengan ilmu kalam dan mereka mentakwilkan nas al Quran pada zahirnya, mengikut akal mereka, kesan dari pentakwilan itu, makna ayat tersebut lari dari makna asalnya dan tidak bersetujuan dengan Allah Taala. Akan tetapi ulama Salaf daripada kalangan ahli hadis tidak terikut-ikut dengan pendirian Muktazilah bahkan mereka menyerahkan maksud ayat-ayat mutasyabihat menurut keadaannya yang selamat yang terhindar dari perbuatan takwil. Mereka mengambil keputusan yang tepat tentang masalah, dan yang berhak memahami maksud ayat-ayat itu adalah dari golongan ahli ilmu dalam agamanya. Mereka mengemukakan dalil yang kuat kepada orang-orang yang berpegang dengan jalan takwil, dan takwil itu zan, setiap zan tidak sah pada sifat Allah. Jalan yang diamalkan oleh ulama Salaf adalah jalan yang baik dan tidak perlu disangskikan oleh mereka.¹³⁵

Sebagaimana amalan aliran ini yang menyamakan sifat Allah dengan makhluk, di dalam ayat-ayat mutashābihāt menyebut sifat-sifat itu, firman Allah Taala:

¹³⁵*Ibid.* m.s 297.

وَكُلُّ صُنْعٍ عَلَىٰ عَيْنِي¹³⁶

Terjemahan: "Dan supaya engkau dibela dan dipelihara dengan pengawasanKu"

4.3 KARYA-KARYA ULAMA SALAF DAN KHALAF DALAM PERBINCANGAN SIFAT ALLAH

Semenjak tercetusnya suatu fitnah besar terhadap umat Islam tentang tanggapan bahawa al Quran itu makhluk¹³⁷ telah timbul suatu kesedaran yang mendalam pada ulama akidah supaya suatu garis panduan tentang akidah Islamiyah secara menyeluruh perlu dirumuskan kerana penyelewengan masih berlanjutan hingga ke hari ini, tambahan pula sejarah telah mencatatkan peristiwa berkenaan sebagai suatu tragedi yang telah menimpa umat Islam.

Fenomena ini dapat dikesan melalui penulisan-penulisan yang telah dihasilkan oleh para sarjana Islam dari kalangan ulama hadis di sepanjang dekad berkenaan, dengan menggunakan pendekatan-pendekatan yang tersendiri. Antara lain sebagai menjawab atau menjelas kembali terhadap persoalan-persoalan yang

¹³⁶Surah Taha: 39

¹²⁸ Abū al-Fidā' Ismail ibn Kathīr, *al-Bidāyah Wa al-Nihāyah*, 9; (Beirut: Maktabah al-Ma'ārif, 1960), m.s 350.

telah ditimbulkan oleh para cendikiawan semasa daripada kalangan Muktazilah yang pemikiran mereka telah banyak dipengaruhi oleh pemikiran falsafah Yunan dan sebagainya. Tambahan pula mereka pernah menguasai dunia Islam beberapa dekad yang lalu.

Antara karya-karya yang memuatkan sejarah dan fahaman firaq tersebut ialah:

1. *al-Rad ḥalā al-Zanādiqah Wa al-Jahmīyah*: Ahmad Ibn Hambal (m241h).
2. *al-Rad ḥalā al-Jahmīyah*: Abdullah Ibn Muhammad Ibn Abdullah al-Juṣfī (m229h).
3. *al-Rad ḥalā al-Jahmīyah* Abu Abdullah Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari (m256h).
4. *al-Ikhtilāf fī Laftz Wa al-Rad ḥalā al-Jahmīyah Wa al-Mushabbihah*: Abdullah Ibn Muslim Ibn Qutaibah (m276h).
5. *al-Sunnah*: Abdullah Ibn Ahmad Ibn Hanbalī (m290h).
6. *Al-Sunnah*: Muhammad Ibn Nasr al-Mirwazī (m294h).
7. *Al-Sunnah*: Abu Daud Sulaiman Ibn al-Ash̄ath al-Sijistānī (m275h).

8. *Al-Sunnah*: Ahmad Ibn Muhammad Ibn Harun al-Khallal (m311h).
9. *Al-Taūhīd*: Ibn Khuzaimah (m324h).
10. *Al-Ibānah*: Abū al-Hasan ^cAli Ibn Ismail al-Asħārī (324h).
11. *Al Sunnah*: Abū al-Qāsim Sulaiman Ahmad Ibn Ayūb al-Tabrānī (m360h)
12. *al-Ibānah*: ^cUbaidillah Ibn Muhammad Ibn Baṭṭah (m387h).
13. *Kitāb al-Īmān*: Abū Bakr Abdullah Ibn Muhammad Ibn Abī Shaibah al-^cAbsī (m235h).
14. *Khalq Afāl al-^cIbād*: Abū Abdullah Muhammad Ibn Ismail al-Bukhārī (m256h).
15. *Kitāb al-Īmān*: Abū Abdillah Ibn Ishaq Ibn Mandah (m395h).
16. *Kitāb al-Īmān*: Abu ^cUbaid al-Qasim Ibn Sallam al-Baghdadi (m224h).
17. *al-Taūhīd*: Muhammad Ibn Ishaq Ibn Mandah (m395h).
18. *Sharh al-Sunnah (Usūl al-Sunnah)*: Abū ^cAdilah Muhammad Abdillah Ibn Abi Zamnin (399h).
19. *Sharh Usūl li I^ctiqād Aḥl al-Sunnah Wa al-Jama^cah Min al-Kitāb Wa al-Sunnah Wa al-Imāc al Sahabāh Wa al-Tābi^cin Min Ba^cdihim*: Abū Qāsim Hibatullah Ibn al-Hasan al-Lālikāī (m418h).
20. *al-I^ctiqād*: Abu Bakr Ahmad Ibn al-Husn al-Baihaqī (m458h).

21. *al-Asmā' Wa al-Sifāt*: Abū Bakr Ahmad al-Husīn al-Baihaqī (m458h).

4.4 KESIMPULAN

Dalam masalah sifat Allah, kajian ini dapatkan bahawa pendapat dan pendirian aliran *firqah* yang dijelaskan di atas telah menimbulkan wahm dan kekeliruan di kalangan umat Islam. Manakala golongan-golongan pelampau terutamanya mereka yang mentashbihkan dan mentajsimkan Allah, terutamanya yang dipelopori oleh al-Sabai'yah.

Metod yang mereka gunakan ialah mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan akal dan inilah yang menyebabkan penafian sifat Allah yang qadim. Mereka mentakwilkan ayat-ayat al-Quran yang berhubung dengan masalah sifat dan seterusnya menimbulkan masalah-masalah dan shubuhat, yang akhirnya mereka mentashbihkan dan mentajsimkan Allah Taala.

Dengan adanya golongan yang mentashbihkan Allah maka timbul pula golongan yang menentangnya. Penentangan ini dimulai oleh Ja^Cad Ibn Darham dan diikuti oleh Jahm Ibn Ṣafwān (wafat tahun 1271h) dan seterusnya dikembangkan pula oleh golongan Muktazilah. Bermula daripada sinilah

timbulnya perbincangan dalam masalah sifat yang lebih besar dan banyak dibincangkan dalam ilmu al Kalam.